

Tapi import untuk buat rambut palsu. Itu untuk input pemprosesan.

Susu pula sebagai barangan asas itu kekal kosong peratus. Susu bayi atau dewasa, minum Milo/Nestum dan sebagainya semua kosong peratus.

Tapi dari segi mungkin pada hemat kami lebih kepada barang pilihan produk tenusu seperti yogurt, mentega tu dikenakan lima peratus.

Tapi ini bukan baharu, memang sedia ada SST. Mungkin pengguna tak perasan dah bertahun-tahun bayar.

Mungkin sumber kekeliruan, bila kerajaan keluar warta, kami keluarkan semua barangan yang dikenakan lima peratus dan dalam warta tu kami tak bezakan yang mana sedia ada, yang mana yang baharu.

Barang makanan import seperti epal dan oren sudah menjadi makanan utama rakyat Malaysia. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan supaya ia dikecualikan daripada SST bersasar ini?

Semua sayur-sayuran sama ada tempatan ataupun import kekal kosong peratus. Hanya isu buah-buahan yang menjadi perbincangan. Yang ni mungkin kerajaan juga ada dasar untuk galakkan buah-buahan tempatan, pada pandangan (kerajaan), (rakyat) ada pilihan untuk buah tempatan.

Mungkin dalam melaksanakan dasar ni mungkin juga akan menggalakkan juga pengeluaran buah-buahan tempatan.

Dengan kutipan hasil SST, pada pandangan Datuk Seri apakah perkara paling penting yang akan digunakan untuk rakyat?

Antara yang telah dilaksanakan tahun ni contohnya program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) diperluas pada April lebih lima juta yang mendapat RM100 sebulan.

Pada awalnya SARA dibuat pada April dan SST pada Mei dan perbelanjaan SARA sebanyak RM3 bilion merupakan program yang akan dibiayai oleh hasil SST.

Dalam Belanjawan 2025 juga ada pelbagai perkara perkhidmatan rakyat yang telah dinaikkan yang perlu hasil tambahan untuk membiayainya contohnya pembaikan klinik daif... itu sahaja peningkatan RM400 juta.

Ada juga isu doktor kontrak yang perlu digajikan tetap. Itu pun impak tahun ni lebih RM1 bilion. Itu untuk kesihatan. Tapi dari segi peningkatan perbelanjaan untuk pembaikan sekolah, jalan dan juga infrastruktur awam juga memerlukan pembiayaan hasil tambahan.

Terdapat juga kekeliruan mengenai ikan kembung yang dikatakan turut dikenakan cukai, boleh Datuk Seri jelaskan?

Saya tak tahu dari mana kekeliruan tu berbangkit, tapi saya boleh sahkan ikan kembung tidak dikenakan cukai jualan. Boleh dikatakan makanan laut orang biasa sama ada ikan kembung, tongkol, udang, sotong biasa semua kekal kosong peratus.

Makanan laut yang dikenakan lima pe-



Johan Mahmood beramah mesra dengan pelanggan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia WPKL pada Rabu.

ratus tu lebih pada yang disebut lebih premium. King crab, salmon, ikan kod, lobster... itu yang dikenakan cukai jualan. Tapi makanan laut orang biasa kekal.

Beberapa persatuan pengguna dan peniaga kecil menyatakan kebimbangan bahawa SST ke atas sewaan dan logistik akan melonjakkan harga barangan di pasaran.

Isu logistik bukan isu baharu. Logistik dah diperkenalkan tahun lepas dan itu pun terdapat pengecualian tertentu untuk mengurangkan impaknya.

Untuk sewaan, itulah satu perkhidmatan baharu dikenakan bawah SST bagi mengurangkan impak kepada peniaga kecil.

Satu yang khusus untuk perkhidmatan sewaan ialah di mana jika sesuatu perniagaan, jualan tahunannya bawah RM500,000 dia tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan atas sewaan.

Selain itu, ada juga yang membangkitkan kebimbangan cukai berganda. Itu pun kerajaan telah perkenalkan kemudahan pengecualian *bisnes to bisnes*. Contohnya ada pusat beli-belah, dia sewa kepada *department store*, bawah *department store* ada gerai-gerai kat dalam tu.

Kita akan pastikan ia hanya dikenakan satu peringkat sahaja, melibatkan pusat membeli belah dan *department store*.